

PELAN STRATEGIK



MAJLIS DAERAH DABONG

2009-2015

Majlis Daerah Dabong



KANDUNGAN

PERKARA

M/SURAT

1. KATA-KATA ALUAN YDP	2
2. RINGKASAN EKSEKUTIF	3
3. LATARBELAKANG/PENUBUHAN	4
4. CARTA ORGANISASI	5
5. FUNGSI DAN PERANAN	6
6. STAKEHOLDERS DAN PELANGGAN	7
7. ANALISIS PERSEKITARAN	8-9
8. VISI	10
9. MISI	11
10. NILAI-NILAI BERSAMA	12
11. OBJEKTIF STRATEGIK	13
12. STRATEGI, PELAN TINDAKAN DAN KPI	14-19
13. PETA STRATEGI	20
14. PENUTUP	21

Malis Daerah Dabong

1. KATA-KATA ALUAN YDP



Bismillahirrahmaanirrahim

Alhamdulillah, saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana di atas izin-Nya, Pelan Strategik Majlis Daerah Dabong 2009-2015 ini berjaya dihasilkan.

Pelan Strategik ini merupakan suatu anjakan kearah mempertingkatkan keupayaan Majlis Daerah Dabong dalam usaha untuk mencapai visi dan misi yang ditetapkan. Saya percaya pelan ini akan dapat memberi garis panduan yang lebih jelas dan lebih terperinci kepada semua warga pentadbiran dan pihak-pihak berkepentingan agar mereka dapat menyumbang secara bersepadu kearah menjadikan Majlis Daerah Dabong sebagai Pihak Berkuasa Tempatan yang berdikari menjelang tahun 2015.

Pelan strategik ini telah digarap berdasarkan kepentingan semua pihak yang terlibat terutamanya pihak-pihak berkepentingan (*stakeholder*) dan pelanggan yang sentiasa mengharapkan perkhidmatan yang terbaik. Oleh itu, komitmen yang tinggi daripada semua pihak khususnya daripada warga Majlis Daerah Dabong diperlukan bagi merealisasikannya.

Akhir kata, saya memohon sokongan semua pihak terutamanya jabatan dan agensi kerajaan, badan-badan bukan kerajaan serta masyarakat umum dalam menjayakan Pelan ini supaya ianya mampu memberi impak yang positif serta membawa manfaat kepada masyarakat daerah ini keseluruhannya. Pelan Strategik ini akan dikaji semula dari masa ke semasa sejajar dengan perubahan persekitaran dan keperluan stakeholder serta pelanggan.

Sekian, Wassalam

(HAJI MOHD GHAZALI BIN MOHAMAD)

Yang Dipertua,
Majlis Daerah Dabong

2. RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelan Strategik Majlis Daerah Dabong 2009–2015 menyediakan rangka kerja kepada pihak pengurusan dan sebagai panduan kepada semua warga pentadbiran daerah ke arah pencapaian visi dan misi yang telah ditetapkan.

Enam (6) nilai-nilai bersama dikenalpasti dalam melaksanakan strategi dan pelan tindakan ke arah pencapaian visi pelan strategik ini berdasarkan fungsi dan peranan setiap bahagian, kehendak stakeholders (pihak-pihak berkepentingan) dan pelanggan serta analisis persekitaran. Pelan Strategik ini menggariskan enam (6) Objektif Strategik, beserta strategi dan Pelan Tindakan yang ditetapkan bagi membantu warga kerja menjalankan tugas yang dipertanggungjawabkan.

Dalam memberi gambaran menyeluruh terhadap strategi–strategi yang akan dilaksanakan, satu Peta Strategik yang terbahagi kepada empat (4) perspektif iaitu Perspektif Pelanggan, Perspektif Kewangan, Perspektif Dalaman serta Perspektif Pembelajaran dan Pertumbuhan (*learning and growth*) dirangka bagi mencapai sasaran yang ditetapkan.

Kesimpulannya, Pelan Strategik ini diharap dapat menjadi pemangkin kepada sistem penyampaian perkhidmatan awam yang cekap sekaligus menjamin kelancaran dan keberkesanan pelaksanaan dasar dan strategi pembangunan bagi Majlis Daerah Dabong.

3. LATARBELAKANG/PENUBUHAN

Penubuhan Majlis Daerah Dabong adalah menepati dasar kerajaan yang bekehendakkan supaya setiap penguasa tempatan di negara ini di susun semula menjadi lebih berfungsi serta berkesan dari segi pentadbiran dan pelaksanaan projek-projek kepada penduduk sekitarnya. Jumlah penduduk pada ketika itu mengikut bancian 1980 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia ialah seramai 29,473 orang. Pentadbiran Majlis dan Pengurusan Majlis Daerah Dabong telah ditubuhkan pada 01 Januari 1979 iaitu hasil penyusunan semula tiga (3) Majlis Tempatan iaitu;

1. Majlis Tempatan Dabong
2. Majlis Tempatan Kuala Balah (Telah diserahkan kepada Majlis Daerah Jeli)
3. Majlis Tempatan Manek Urai


Majlis Daerah Dabong telah mewartakan seluruh kawasan pentadbirannya sebagai kawasan operasi iaitu berkeluasan 1,357kmp pengisytiharan pada 12 April 2006. Daerah Olak Jeram dan Daerah Dabong merupakan kawasan yang tertakluk sebagai kawasan pentadbiran Majlis. Pada tahun 2009 bilangan penduduk adalah seramai 40,350 orang.

4. CARTA ORGANISASI



Carta Organisasi Majlis Daerah Dabong

Carta Organisasi Majlis Daerah Dabong



5. FUNGSI DAN PERANAN

Mengikut seksyen 5 Akta 171, Majlis Daerah Dabong, merupakan sebuah Pihak Berkuasa Perancang Tempatan (PBPT) yang berfungsi mengatur, mengawal dan merancang pembangunan serta kegunaan tanah dan bangunan di dalam kawasan tadbirnya. Diantara fungsi Majlis Daerah Dabong secara terperinci:-

1. Bertanggungjawab untuk mentadbir kawasan majlis yang merupakan bandar-bandar dan kawasan sekitar yang diwartakan di bawah akta kerajaan tempatan.
2. Merancang pembangunan masa depan kawasan majlis dan memberikan perkhidmatan perbandaran untuk memenuhi keperluan asasi aktiviti harian penduduk kawasan majlis.
3. Bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas-tugas yang diamanahkan secara cekap, mesra dan berkualiti serta berusaha untuk mencapai tahap perkhidmatan ke arah kecemerlangan dan keunggulan untuk kesejahteraan semua penduduk dan pengunjung.
4. Mewujudkan hubungan baik dengan semua pihak yang ada kaitan langsung atau tidak langsung dalam konteks untuk mencapai matlamat dan objektif majlis.
5. Tugas berhubung dengan pentadbiran, urusetia dan kewangan
6. Pembersihan bandar dan kawasan rekreasi.
7. Menyediakan lampu jalan dalam kawasan yang dikenakan cukai.
8. Mengatur, mengawal dan merancang pembangunan dan juga penggunaan tanah dalam kawasan pemerintahan majlis.
9. Membina dan menyelenggara jalan-jalan dalam kawasan majlis.
10. Menamakan jalan-jalan dalam kawasan majlis.
11. Mengawal dan menyediakan peraturan dalam proses kerja pembangunan
12. Membina dan menyelia kawasan taman awam dalam kawasan majlis.
13. Mengawal penyakit bawaan vektor (kawalan).
14. Memproses dan mengeluarkan lesen-lesen perniagaan.
15. Memproses dan meluluskan permohonan untuk pemajuan dalam kawasan rintahan majlis.

6. STAKEHOLDERS DAN PELANGGAN

STAKEHOLDERS

- SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KELANTAN
- AHLI MAJLIS DAERAH DABONG
- KPKT

Majlis Daerah Dabong

Majlis Dabong

PELANGGAN

- Penduduk
- Pelawat/Pelancong
- Kakitangan Kerajaan dan Swasta
- Pemilik Kediaman/Premis Perniagaan
- NGO
- Komuniti Perniagaan

7. ANALISIS PERSEKITARAN

KEKUATAN	KELEMAHAN
1. Kuasa autonomi dan peruntukan akta	1. Kepimpinan sentiasa berubah
2. Sumber manusia yang kompeten, profesional dan berintegriti	2. Tiada unit perancangan strategik (sumber manusia)
3. Pemilikan aset	3. Undang-undang kecil yang lapuk
4. Kemudahan ict	4. Kurang kerjasama antara jabatan luar
5. Sikap untuk berdaya saing	5. Sumber kewangan yang terhad
6. Kerjasama bistari	6. Tiada insentif untuk menggalakkan pelaburan
7. Pengurusan yang cekap	7. Masih menggunakan kadar lama untuk penilaian cukai
8. Kepimpinan yang dinamik	8. Penguatkuasaan yang terhad
9. Pelan pembangunan yang terancang	9. Sumber hasil terhad
10. <i>Teamwork</i> dan komitmen kakitangan yang tinggi	10. Kekurangan penggunaan teknologi terkini
	11. Ruang pejabat yang sempit

PELUANG	ANCAMAN
1. Sokongan kerajaan	1. Persepsi negatif masyarakat
2. Sumber kawasan / hasil baru	2. Kadar kemasukan pelancong yang masih rendah
3. Sistem politik yang stabil	3. Imigrasi generasi muda ke bandar
4. Kewujudan akta dan undang-undang/ undang-undang kecil	4. Tahap kesedaran ICT penduduk rendah
5. Sokongan pemimpin politik dan pentadbiran	5. Pemahaman orang awam (mentaliti penduduk terhadap kepentingan PBT masih rendah) bagi aspek cukai pintu, lain-lain.
6. <i>Eco-tourism</i> – Kaya dengan sumber pelancongan alam semulajadi (Gunung Stong, Air Terjun Stong dan banyak jeram-jeram yang berpotensi)	6. Kerjasama orang awam
7. Terdapat banyak kawasan pembangunan yang belum di pungut cukai.	7. Pembuangan sampah sarap secara haram kerana kurangnya kefahaman terhadap peranan PBT

8. VISI

MENJADIKAN MAJLIS DAERAH DABONG BERDIKARI PADA TAHUN 2015.

Memandangkan Majlis Daerah Dabong kini adalah sebuah PBT yang masih baru, Maka Visi yang mesti dicapai dalam masa ini adalah menjadikan M.D.D sebuah PBT yang boleh beroperasi dengan usaha sendiri tanpa bergantung sepenuhnya kepada bantuan Kerajaan Negeri dan Persekutuan dengan mencari hasil pendapatan sendiri. Berusaha meningkatkan pendapatan tersebut dengan penggunaan sumber-sumber semulajadi sepenuhnya dan melipatgandakan usaha mestilah dipraktikkan dengan optimum.

9. MISI

**Komited Dalam Mencari Sumber-Sumber
Pendapatan/Hasil Baru Kepada Majlis Dalam Usaha
Mencapai Visi Bagi Menyampaikan Perkhidmatan Yang
Terbaik Kepada Masyarakat.**

Majlis Daerah Dabong

10. NILAI-NILAI BERSAMA

BERDISIPLIN

Sentiasa mengawal diri dan perilaku berlandaskan undang-undang, peraturan, prinsip dan nilai-nilai murni. Melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan tekun dan taat tanpa penyeliaan yang rapi dan sentiasa menjaga imej diri, organisasi, perkhidmatan dan negara di kaca mata masyarakat

KERJA BERPASUKAN

Mempunyai semangat kekitaan, bekerjasama, bertolak ansur dan sifat setia kawan dan muafakat yang tinggi untuk memcapai visi dan misi organisasi

AKAUNTABILITI

Mempunyai rasa tanggungjawab dan akauntabiliti di dalam segala tindakan dan kelakuan

INTERGRITI

Melaksanakan amanah dan kuasa dengan jujur dan saksama. Berkhidmat dengan penuh komitmen dan bertanggungjawab serta sempurna dan utuh

ADIL

Sentiasa berusaha membuat pertimbangan yang saksama dan sama rata dalam setiap tindakan dan keputusan berasaskan undang-undang, peraturan, keutamaan dan fakta yang lengkap dan tepat. Penilaian terhadap sesuatu tindakan atau keputusan dibuat secara objektif dan analitikal dengan menggunakan kaedah yang betul serta memuaskan semua pihak terlibat

TELUS

Sentiasa bersikap positif dan terbuka dengan mewujudkan prosedur kerja dan melaksanakan tindakan yang telus, lengkap serta menyelesaikan kerja mengikut masa yang ditetapkan. Berusaha memaklumkan maklumat, tindakan dan keputusan yang telah diambil kepada pihak yang berhak selagi ianya tidak bercanggah dengan undang-undang dan peraturan

11. OBJEKTIF STRATEGIK

OBJEKTIF STRATEGIK

1. **MEMPERTINGKATKAN KEUPAYAAN DAN KAPASITI MAJLIS DALAM MEWUJUDKAN SEBUAH PBT YANG CEKAP.**
2. **MEMPERKASAKAN TADBIR URUS MAJLIS BAGI KEBERKESANAN PERKHIDMATAN AWAM.**
3. **MEMPERKUKUH DAN MEMANTAPKAN SUMBER HASIL MAJLIS BAGI MEREALISASIKAN VISI.**
4. **MEMPERTINGKATKAN KUALITI HIDUP KOMUNITI BAGI MENCAPAI TAHAP PERKHIDMATAN YANG TERBAIK.**
5. **MEMANTAPKAN KOLABORASI STRATEGIK.**

12. STRATEGI, PELAN TINDAKAN DAN KPI

1. MEMPERTINGKATKAN KEUPAYAAN DAN KAPASITI MAJLIS DALAM MEWUJUDKAN SEBUAH PBT YANG CEKAP.

STRATEGI	PELAN TINDAKAN	KPI	INDIKATOR/ TAHUN SASARAN
Memantapkan Pembangunan Organisasi	Memperkuuhkan struktur dan Skim Perkhidmatan organisasi Memantapkan penghayatan budaya organisasi cemerlang	Penarafan dalam Star Rating PBT	Mendapat penarafan sekurang-kurangnya 4 bintang setiap tahun
Memantapkan Pengurusan Sumber Manusia	Mewujudkan Pelan Komprehensif Sumber Manusia Mempertingkatkan kompetensi pegawai Memantapkan pengurusan prestasi	Bilangan/Tempoh kursus yang dihadiri Tahap Kompetensi Pekerja	Mematuhi Pelan tersebut setiap masa Tahap kompetensi Pekerja yang mendapat aras 4 melebihi >85% setiap tahun
Mewujudkan Persekitaran Kerja Yang Kondusif	Mengamalkan Budaya 5S dalam persekitaran pejabat. Mempertingkatkan jalinan hubungan antara pihak pengurusan – pekerja Meningkatkan kemudahan dan fasiliti pejabat	Audit 5S/pengekal sijil 5S Tahap Kepuasan pekerja	Pensijilan 5S/Pengekalan Sijil 5S bagi setiap tahun Tahap kepuasan melebihi 85% setiap tahun

2. MEMPERKASAKAN TADBIR URUS MAJLIS BAGI KEBERKESANAN PERKHIDMATAN AWAM.

STRATEGI	PELAN TINDAKAN	KPI	INDIKATOR/ TAHUN SASARAN
Meningkatkan Kecekapan Pengurusan Kawalan Dalaman	<p>Memperkukuh dan melaksanakan sistem pemantauan pengurusan</p> <p>Mempertingkatkan penerapan dan penghayatan nilai-nilai murni</p> <p>Mengoptimumkan kos operasi Majlis</p>	<p>Indeks Akauntabiliti (Audit Negara)</p> <p>Prestasi perbelanjaan</p>	<p>Mendapat penarafan sekurang-kurangnya 4 bintang setiap tahun</p> <p>Mencapai perbelanjaan seimbang antara hasil dan perbelanjaan/ (tahun sasaran 2010)</p>
Memantapkan Sistem Dan Prosedur Kerja	<p>Menyemak pemakaian dan keberkesanan peraturan/ undang-undang sedia-ada</p> <p>Merekayasa dan menambah baik sistem dan prosedur kerja</p>	Tahap Kepuasan Pelanggan	Tahap kepuasan melebihi 85% setiap tahun
Mempertingkatkan Keberkesanan Penguatkuasaan	<p>Mewujudkan kod etika dan amalam terbaik penguatkuasaan</p> <p>Melaksanakan tindakan penguatkuasaan secara bersepadu</p> <p>Mempertingkatkan kemahiran dan keupayaan anggota penguatkuasa</p>	Jumlah kes yang disabitkan	Jumlah kes yang tidak dapat disabitkan tidak melebihi 10% setahun

3. MEMPERKUKUH DAN MEMANTAPKAN SUMBER HASIL MAJLIS BAGI MEREALISASIKAN VISI.

STRATEGI	PELAN TINDAKAN	KPI	INDIKATOR/ TAHUN SASARAN
Memantapkan Keupayaan Kutipan Hasil	Mempelbagaikan kaedah kutipan dan saluran pembayaran hasil	Jumlah kutipan hasil	Jumlah kutipan hasil melebihi 15% dari anggaran/ (tahun sasaran 2010)
	Meningkatkan kecekapan sistem pemantauan kutipan hasil		Jumlah kutipan melebihi 15% dari jumlah keseluruhan hasil tertunggak/ (tahun sasaran 2010)
Mempelbagaikan Sumber Hasil	Mempertingkatkan keberkesanan kutipan hasil tertunggak	Jumlah kutipan hasil tertunggak	Jumlah kutipan melebihi 15% dari jumlah keseluruhan hasil tertunggak/ (tahun sasaran 2010)
	Penguatkuasaan terhadap hasil tertunggak		
	Mewujudkan dan menggalakkan pembangunan kawasan pelancongan baru	Jumlah hasil dari sumber pelancongan	Jumlah hasil meningkat sebanyak 10% setiap tahun
	Mewujudkan dan menggalakkan kawasan pembangunan baru		
Memantapkan Keupayaan Kutipan Hasil	Menguatkuasakan undang-undang kecil (taksiran) di kawasan pembangunan sedia ada (estet) dalam pungutan cukai pintu.	Pertambahan hasil cukai	Peningkatan 5% pertumbuhan ekonomi penduduk/ (tahun sasaran 2010)
	Mewartakan seluruh kawasan penempatan baru dan sedia ada sebagai kawasan pungutan cukai pintu (taksiran).		

4. MEMPERTINGKATKAN KUALITI HIDUP KOMUNITI BAGI MENCAPAI TAHAP PERKHIDMATAN YANG TERBAIK.

STRATEGI	PELAN TINDAKAN	KPI	INDIKATOR/ TAHUN SASARAN
Mempertingkatkan Kemudahan Dan Infrastruktur Awam	Membangunkan dan Mempermudahkan proses penyediaan kemudahan dan infrastruktur oleh jabatan/agensi Kerajaan dan pihak-pihak berkepentingan	Tahap Kepuasan Pelanggan	Tahap kepuasan melebihi 80% setiap tahun
Mempertingkatkan Kualiti Perkhidmatan Perbandaran	Mewujudkan Pusat Maklum Balas Komuniti Jawatankuasa Perhubungan Komuniti	Aduan Komuniti	Setiap tahun 90% aduan komuniti dapat diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan
Mewujudkan Persekitaran Yang Indah, Bersih, Selamat Dan Selesa	<p>Memastikan pelaksanaan projek pembangunan selaras dengan kelulusan yang diberi</p> <p>Meningkatkan kesedaran dan menerapkan budaya kebersihan persekitaran</p> <p>Meningkatkan penghayatan dan kesedaran gaya hidup sihat</p> <p>Meningkatkan kesedaran penjagaan alam sekitar</p>	<p>Pematuhan terhadap Pelan Perancangan/G arispanduan</p> <p>Indeks Kualiti Hidup</p>	<p>Penurunan kes yang disabitkan setiap tahun</p> <p>Peningkatan 35% indeks Kualiti Hidup (tahun sasaran 2010)</p>

Memperkukuhkan Pengurusan Aset Dan Fasiliti Awam	Membangunkan Pelan Penyelenggaraan Fasiliti Awam Mempertingkatkan Penggunaan Sistem Pengurusan Aset	Kos penyelenggaraa n Jangka hayat aset dan kemudahan	Penurunan 50% kos penyelenggaraan Peningkatan 10% jangka hayat aset dan kemudahan
---	--	--	--

Majlis Daerah Dabong

5. MEMANTAPKAN KOLABORASI STRATEGIK

STRATEGI	PELAN TINDAKAN	KPI	INDIKATOR/ TAHUN SASARAN
Memantapkan jaringan kerjasama dengan pihak-pihak berkepentingan	<p>Mewujudkan mekanisme penyelarasan pelaksanaan dengan agensi Kerajaan, NGO's serta pihak swasta</p> <p>Mempertingkatkan perkongsian sumber, tanggungjawab dan kepakaran dengan PBT yang bersempadan</p>	<p>Tahap Kepuasan Pelanggan</p> <p>Bilangan kerjasama strategik</p>	<p>Tahap kepuasan melebihi ?% setiap tahun</p> <p>Peningkatan 15% bilangan kerjasama strategik/(tahun sasaran 2010)</p>
Memperkukuhkan jalinan dan penyertaan komuniti dalam aktiviti dan program Majlis	<p>Mempertingkatkan penglibatan komuniti dalam perancangan dan pelaksanaan program Majlis</p>	<p>Penyertaan komuniti</p>	<p>75% penglibatan komuniti dalam perancangan program/aktiviti.</p>

13. PETA STRATEGI

PETA STRATEGI MAJLIS DAERAH DABONG 2009-2013

PELANGGAN

C1-
Mempertingkatkan kemudahan dan infrastruktur awam

C2-
Mempertingkatkan kualiti perkhidmatan perbandaran

C3-
Mewujudkan persekitaran yang indah, bersih, selamat dan selesa

C4-
Memperkukuhkan jalinan dan penyertaan komuniti dalam aktiviti dan

KEWANGAN

F1-
Memantapkan keupayaan kutipan hasil

F2-
Mempelbagaikan sumber hasil

PROSES DALAMAN

P1-
Meningkatkan kecekapan pengurusan kawalan dalaman

P2-
Mempertingkatkan keberkesanan penguatkuasaan

P3-
Memantapkan sistem dan prosedur kerja

P4-
Memperkukuhkan pengurusan asset dan fasiliti awam

P5-
Memantapkan jaringan kerjasama dengan pihak-pihak berkepentingan

PEMBELAJARAN & PERTUMBUHAN

L1-
Memantapkan Pembangunan Organisasi

L2-
Memantapkan Pengurusan Sumber Manusia

L3-
Mewujudkan Persekitaran Kerja yang Kondusif

L4-
Memperkasa imej Majlis

14. PENUTUP

Sistem penyampaian perkhidmatan awam yang cekap amat diperlukan bagi menjamin kelancaran dan keberkesanan pelaksanaan dasar dan strategi pembangunan negara. Ia juga bagi memenuhi tuntutan dan ekspektasi rakyat dan masyarakat perniagaan yang terus meningkat. Justeru, Pelan Strategik Majlis Daerah Dabong telah menggariskan beberapa objektif strategik dan strategi serta pelan tindakan yang perlu dilaksanakan. Tumpuan akan diberikan kepada usaha penambahbaikan mekanisme pelaksanaan, penyelarasan, pemantauan dan penilaian agar program yang dirancang dapat dilaksanakan mengikut tempoh yang ditetapkan serta pencapaiannya dapat diukur berdasarkan KPI berkaitan. Pelan strategik ini juga akan dijadikan sebagai rangka kerja kepada pihak pengurusan untuk memantau hala tuju organisasi serta meningkatkan keupayaan dalamannya bagi mencapai visi dan misi yang telah ditetapkan.

Majlis Daerah Dabong